

25/07/2004

Dunia seni taman

By Azran Jaffar

DENGAN adanya Taman Bunga Raya, Taman Orkid, Taman Burung dan Taman Rusa, sudah cukup menjadikan persekitaran Taman Tasik Perdana di tengah-tengah Kuala Lumpur, sebagai taman yang menyegarkan mata dan mencantikkan panorama kota.

Melalui Festival Antarabangsa Landskap dan Taman Malaysia (Laman 2004) yang berlangsung sejak Sabtu lalu dan berakhir hari ini, taman yang juga cukup dikenali dengan Tasik Sydneynya itu menjadi lebih berseri serta semakin berwarna-warni.

Pengunjung pasti terpesona dengan susun atur pelbagai jenis bunga seperti orkid dan kaktus yang boleh diterapkan di halaman rumah masing-masing selain disediakan tempat pejalan kaki, mainan kanak-kakak dan tasik yang dipenuhi begitu banyak ikan.

Diilhamkan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, Laman 2004 adalah pertunjukan yang dipenuhi dengan warna warni dan kehebatan semula jadi yang memaparkan tujuh bentuk pertunjukan dan pameran antaranya, Dunia Taman dan Zon LandTech.

Dunia Taman memaparkan taman-taman contoh di beberapa lokasi di sekitar kawasan festival manakala Zon LandTech pula mempamerkan teknologi yang inovatif serta memasarkan produk dan perkhidmatan biotech.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak yang merasmikan festival itu Sabtu lalu, berkata pembangunan Malaysia ke arah sebuah negara maju perlu diiringi dengan pembangunan mampan yang mengambil kira semua aspek keperluan generasi masa kini tanpa menjejaskan keperluan generasi akan datang.

Berdasarkan inilah, pembangunan landskap negara harus mengoptimumkan penggunaan sumber semula jadi ke tahap kualiti tertinggi bagi menjamin kesejahteraan hidup generasi akan datang, katanya.

Beliau amat berharap Laman 2004 berupaya menanam minat rakyat negara ini terhadap bidang landskap yang berinovatif serta berkualiti dan yakin bidang ini mampu membantu kemajuan negara dalam sektor pemeliharaan alam sekitar, ekonomi, sosial dan pelancongan yang menjadi teras daya saing negara di peringkat global.

Najib juga berkata, Laman 2004 berpontensi menjadi acara antarabangsa terkemuka mirip pertunjukan bunga di Chelsea, England dan di Floriade, Belanda, lebih-lebih lagi dalam keadaan tiada negara di rantau Asia Pasifik menganjurkan festival sedemikian.

Melalui festival julung kali diadakan, pengunjung bukan saja dapat menjamu mata melihat keindahan tumbuh-tumbuhan yang ada di negara ini, yang sesetengahnya mungkin jarang-jarang dilihat, tetapi juga mendapat ilham bagaimana mengubah halaman rumah mereka menjadi lebih berseri.

Jika sebelum ini ciri-ciri Inggeris menjadi pilihan sebahagian masyarakat dalam membentuk landskap melalui festival ini pengunjung dapat menyaksikan bahawa konsep laman tropika juga setanding dan tidak kurang menariknya.

Tambahan lagi dengan iklim yang dialami negara, laman dengan ciri-ciri tropika lebih mengesankan dan tidak memerlukan penjagaan yang sebegitu rapi berbanding pokok-pokok yang diimport.

Melalui penggunaan bahan tempatan seperti kayu yang dijadikan pergola, wakaf dan buaian, juga tempayan pelbagai bentuk dan ukuran yang mengisi sudut halaman pula, ia menjadikan taman ciri tropika terserlah dengan keunikan tersendiri.

Begitu juga dengan binaan-binaan mudah seperti laluan siar kaki dan juga tempat memijak di kawasan berumput, ilham yang terdapat di Laman 2004 dapat memberikan satu pandangan berbeza kepada sesetengah pengunjung yang mungkin berasakan hiasan sebegini tidak begitu penting.

Apa yang jelas, festival ini menampilkan ilham taman yang cukup menarik, menjadikan kunjungan ke sini cukup menghiburkan serta tidak memenatkan kerana sepanjang laluan ada saja benda yang menyegarkan mata untuk ditatap.

Bertemakan warni-warni dalam kehijauan, Laman 2004 diadakan bagi meningkatkan kualiti pembangunan landskap negara dengan mewujudkan kesedaran, minat dan pengetahuan masyarakat serantau terhadap landskap dan seni taman.

Ia juga untuk memberi peluang pengunjung mengenali dengan lebih dekat seni dan reka bentuk taman mengikut tradisi sesebuah negara.

Berkenaan tema, ia dipilih sedemikian untuk memberi gambaran bahawa kehijauan landskap tropika yang dimiliki negara ini juga mempunyai pelbagai warna daripada pokok-pokok dan bunga-bunga yang ditonjolkan.

Lima lagi pertunjukan dan pameran yang berlangsung sepanjang festival selama sembilan hari itu ialah, tapak permainan yang mempamerkan pelbagai produk daripada pengeluar serta pembekal peralatan taman dan taman permainan.

Ekspo taman, yang mempamer serta menjual pokok, produk dan aksesori taman, barangan hiasan luar rumah serta bahan-bahan landskap manakala ruang flora adalah kawasan tertutup yang dikawal suhunya.

Kawasan ini dibahagikan kepada beberapa bahagian iaitu taman flora, gubahan flora, pertunjukan flora dan hiasan peragaan tingkap flora. Bagi laluan acara flora dan denai flora, ia terletak di sepanjang laluan siar kaki ke Taman Tasik Perdana.

Turut diadakan, adalah gerai-gerai yang menjual pelbagai barangan termasuklah barangan kraftangan.

(END)